

# **Wakili negara sertai pertandingan di Bahrain**



Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 13 Mei. - Empat orang pelajar dan Alumni Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berlepas ke Bahrain bagi menyertai Award of the Holy Quran of the ASEAN Bahrain Council - The First Session yang dijadualkan bermula pada 13 hingga 18 Mei 2019.

Rombongan terdiri daripada para pelajar UNISSA, iaitu Awang Adee Aiman bin Haji Muhidin; Awang Abdul Hafiz bin Haji Abd. Kadiroshman; dan Awang Abdull Mu'in bin Haji Abd Hamid juga

**EMPAT** orang pelajar dan Alumni Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berlepas ke Bahrain bagi menyertai Award of the Holy Quran of the ASEAN Bahrain Council - The First Session yang dijadualkan bermula pada 13 hingga 18 Mei 2019.

Alumni UNISSA, Awang Abdul Qawiyuddin bin Suhaili.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat berlepas kepada para peserta, Dekan Pelajar UNISSA, Dr. Supri bin Haji Sudin.

Pertandingan anjuran The ASEAN Bahrain Council ini merupakan program yang diadakan buat julkun-julkun kalinya, di mana antara lain bertujuan untuk meningkatkan kerjasama di antara Negara Bahrain dan negara-negara ASEAN.

Selain itu, program itu juga merupakan sokongan kepada usaha kerajaan Bahrain dalam menitikberatkan pendidikan para belia berlandaskan Al-Quran Al-Karim.

Selain dari Negara Brunei Darussalam, pertandingan juga disertai oleh wakil dari Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina dan negara tuan rumah, Bahrain.

## **Tanamkan sifat Qana'ah**

Dari muka 5

Tidak dinafikan bahawa ada kalanya berhutang itu sebagai salah satu jalan untuk menyelesaikan permasalahan hidup yang dilanda kesempitan seperti ketidakcukupan pendapatan untuk mengendalikan hidup berkeluarga kekurangan wang untuk membeli makanan, pakaian dan seumpamanya. Seolah-olah berhutang itu sebagai jalan penyelamat dalam mendapatkan sesuatu yang benar-benar diperlukan.

Sekalipun berhutang itu dibenarkan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar seterusnya menegaskan, ia sememangnya perkara yang tidak digalakkan dalam Islam kerana adanya perkara-perkara yang disebut sebagai risiko berhutang, terutamanya cacian terhadap orang yang berhutang dan kesudahan yang buruk bagi mereka yang tidak melunaskan hutangnya.

Tambahnya, apabila tindakan berhutang itu tidak dapat dikendalikan secara bijaksana, maka hutang itu akan menimbulkan kegelisahan dalam kehidupan.

Untuk mengelak diri dari terus dilanda hutang dan mengatasi kesempitan hidup, ujarnya, Islam menunjukkan beberapa jalan yang boleh melepaskan diri antaranya sabar terhadap dugaan hidup dan mananamkan dalam diri akan sifat Qana'ah.

Selain sifat Qana'ah, tegasnya, kita perlu sentiasa mendekatkan diri kepada Allah dengan mentaati segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya supaya dengan demikian segala pintu-pintu rezeki akan terbuka dan kita terlepas dari kesempitan hidup berkeluarga.

Hadir mendengarkan ceramah khas tersebut, Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Juga hadir, Pemangku Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategi dan Dasar), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Saidah binti haji Wahid; Pemangku Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) KKBS, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said; Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar dan Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Terdahulu, Pengarah Pusat Kajian Fiqh al-Usrah, KUPI SB, Dayang Hajah Aisyah Radhiah binti Haji Ghani dalam ucapan alu-aluan berharap ceramah khas tersebut dapat menjentik momentum berkeluarga pada bulan Ramadan dan istiqamah di luar bulan Ramadan serta dapat mengemukakan peranan institusi keluarga dan ciri-ciri keluarga bahagia dan penyayang berlandaskan Al-Quran dan Al-Sunnah bagi melahirkan generasi berwawasan yang cemerlang.

Majlis diselajurkan dengan pemberian sumbangan 'Keluarga Al-Rahmah' kepada seramai 21 keluarga yang terdiri daripada warga KUPU SB yang berpendapatan rendah dan memerlukan bantuan.

Objektif acara yang dianjurkan oleh Pusat Kajian Fiqh Al-Usrah dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, KUPU SB itu adalah bagi mengemukakan peranan institusi keluarga dan ciri-ciri keluarga teladan berlandaskan Al-Quran dan Al-Sunnah bagi melahirkan generasi yang cemerlang dan juga keutamaan ibadat bersama keluarga berlandaskan hujah-hujah ilmiah yang bernas.

## **IHP bagi Mac 2019 menurun**

Divisyen	Kewajaran (%)	Indeks			Perubahan (%)
		Mac 2019	Mac 2019 / Mac 2018	Mac 2019 / Feb 2019	
<b>INDEKS KESELURUHAN</b>	<b>100.0</b>	<b>99.6</b>	<b>-0.05</b>	<b>0.5</b>	
Makanan dan Minuman Ringan	19.1	101.7	-0.5	0.1	
Pakaian dan Kasut	4.2	91.0	-0.2	6.9	
Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain	11.1	93.6	-3.3	-2.6	
Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah	11.0	94.8	-0.3	0.7	
Kesihatan	1.3	102.7	3.1	0.5	
Pengangkutan	18.8	99.5	0.6	1.3	
Perhubungan	6.0	100.9	0.6	0.9	
Rekreasi dan Kebudayaan	9.1	101.5	2.6	0.5	
Pendidikan	3.9	110.7	-0.1	-	
Restoran dan Hotel	8.9	103.4	0.4	0.1	
Pelbagai Barang dan Perkhidmatan	6.5	101.4	-0.2	1.4	

Dari muka 1

Walau bagaimanapun, ianya diimbangi oleh peningkatan harga dan kos Kesihatan (3.1 peratus); Rekreasi dan Kebudayaan (2.6 peratus); dan Pengangkutan (0.6 peratus).

Harga Perumahan, Air, Elektrik,

Gas dan Bahan Api Lain menurun berikutan penurunan harga sewa rumah dan bahan untuk penyelenggaraan dan pembaikan kediaman.

Manakala, penurunan harga Makanan dan Minuman Ringan mengambil kira harga rendah sayur-sayuran, ayam dan telur.

Siaran Akhbar dan Infografik:  
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi

Penurunan dalam Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah pula adalah disebabkan oleh harga perabot ruang tamu/ruang makan dan perabot bilik tidur yang menurun.

Bagi perubahan bulan-ke-bulan, IHP bagi Mac 2019 meningkat sebanyak 0.5 peratus berbanding dengan bulan Februari 2019.

Indeks Makanan dan Minuman Ringan pula meningkat sebanyak 0.1 peratus, manakala Indeks Bukan Makanan meningkat sebanyak 0.6 peratus.

IHP mengukur perubahan harga barang dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barang dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga.

Laporan penuh IHP bagi bulan Mac 2019 boleh didapati melalui laman sesawang JPKE [www.depdp.gov.bn](http://www.depdp.gov.bn).

### **Perubahan Harga Tahun-Ke-Tahun Bagi Mac 2018 Hingga Mac 2019**

